

# Sungai Air Jernih akan dibesarkan

KUALA LUMPUR - Penderitaan selama 28 tahun penduduk Kampung Paya, Batu 14, Jalan Cheras, Kajang akan berakhir tidak lama lagi.

Itulah jaminan jurutera Daerah Hulu Langat, Badarudin Tahirudin yang dihubungi *KOSMO!* semalam yang memberitahu, kerja-kerja pembesaran Sungai Air Jernih telah diluluskan dan ia akan bermula tiga minggu lagi.

*Kosmo 1/7*  
Menurutnya, kelewatan projek berkenaan adalah disebabkan oleh masalah teknikal kerana kawasan tersebut sempit dan kerja-kerja pembesaran sungai sukar dijalankan.

Kata Badarudin lagi, projek yang telah mendapat peruntukan sebanyak RM5.5 juta itu kini dalam proses akhir perundingan harga dengan kontraktor yang dilantik.

“Malah reka bentuknya juga telah diluluskan. Saya berharap agar penduduk bersabar kerana masalah mereka selama ini akan selesai tidak lama lagi,” ujarnya.

*KOSMO!* semalam melaporkan penderitaan penduduk Kampung Paya Batu 14, Jalan Cheras, Kajang yang dilanda banjir kilat setiap kali hujan selama 28 tahun.